

BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948



Latihan Bestari SPM

Kertas 1

Pentakairan PBD Sejarah Tingkatan 4

TP1(1.6), TP2(3.2), TP3(4.8), TP4(6.4), TP5(8.0), TP6(9.6)

Jawab semua soalan.

1 Maklumat berikut merujuk kepada Jawatankuasa Kerja Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

- Raja-raja Melayu
- UMNO
- Pegawai Kanan British

Apakah cadangan jawatankuasa tersebut?

- A Melantik Perdana Menteri
- B Menggunakan prinsip kerakyatan *jus soli*
- C Menjaga hak keistimewaan orang Melayu
- D Menerima kemasukan Sabah dan Sarawak

Buku Teks ms. 127

2 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan nasionalis Melayu radikal.

Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)

Mengapakah pertubuhan tersebut ditubuhkan?

- A Menentang British
- B Menolak pengenalan Malayan Union
- C Menyokong perjuangan Parti Komunis Malaya
- D Menentang penubuhan Jawatankuasa Kerja UMNO dan British

Buku Teks ms. 128

3 Perlembagaan Rakyat telah diperkenalkan oleh gabungan pertubuhan PUTERA-AMCJA pada bulan Julai 1947. Apakah isi kandungan perlembagaan tersebut?

- I Penyatuan Tanah Melayu dan Singapura
 - II Mengiktiraf sistem Raja Berperlembagaan
 - III Menggunakan sistem pemerintahan republik
 - IV Penghapusan prinsip kerakyatan *jus soli*
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks ms. 130

4 Jadual berikut berkaitan dengan penentangan golongan Melayu radikal terhadap British dan UMNO.

Tarikh	Peristiwa
20 Oktober 1947	Hari Hartal Se-Malaya

Bagaimanakah Hari Hartal Se-Malaya dilakukan?

- A Perhimpunan bantahan di Kuala Lumpur
- B Semua peniaga menutup kedai
- C Menyerang orang UMNO
- D Menghalau bangsa asing

Buku Teks ms. 131

5 PUTERA-AMCJA telah menganjurkan Hari Hartal Se-Malaya pada 20 Oktober 1947. Mengapakah Hari Hartal Se-Malaya dianjurkan?

- A Protes terhadap kerakyatan *jus soli*
- B Memprotes kenaikan harga barang
- C Penolakan Perlembagaan Rakyat oleh British
- D Menghalang bekalan makanan kepada komunis

Buku Teks ms. 131

6 Pernyataan berikut terkandung dalam surat bantahan Sultan Perak yang dibacakan oleh Gammans dan Rees Williams di Parlimen British.

...Tiada seorang pun yang dapat menahan daripada berdukacita terhadap perbuatan tergopoh-gapah dalam menentukan nasib sesuatu bangsa...

(Sumber: Mohd. Tajuddin Abdul Rahman, 1987. Dato Onn Jaafar, Petaling Jaya: Pelandok Publications.)

Apakah kesan daripada surat bantahan tersebut?

- A Pengenalan Malayan Union
- B Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu
- C Pengisytiharan Perlembagaan Rakyat
- D Pembatalan Pentadbiran Tentera British

Buku Teks ms. 132

7 Maklumat berikut berkaitan dengan piagam yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Piagam Atlantik 1941

Apakah kesan pelaksanaan piagam tersebut?

- A Berlakunya Perang Dunia
- B Tamatnya era penjajahan kuasa Barat
- C Berakhirnya sistem pemerintahan beraja
- D Pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu

Buku Teks ms. 133

8 Senarai berikut merupakan tokoh dalam kalangan pentadbir British.

ARAS

- Sir Edward Gent
- Malcolm MacDonald
- Sir Ralph Hone

Apakah sumbangan tokoh tersebut kepada Persekutuan Tanah Melayu?

- A Memujuk sultan menandatangani perjanjian
- B Menghalang kemasukan pengaruh komunis
- C Mencadangkan penubuhan gagasan Malaysia
- D Mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu

Buku Teks ms. 133

9 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union?

ARAS

- I Rakyat boleh memilih pengganti raja
- II Kedaulatan Raja-raja Melayu dikekalkan
- III Hak keistimewaan orang Melayu dikekalkan
- IV Tanah Melayu menjadi hak mutlak orang Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks ms. 136

10 Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa pengenalan Malayan Union dan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu?

ARAS

- I Amanah dalam pekerjaan
- II Berani membuat penerokaan
- III Bekerjasama memastikan perubahan
- IV Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks ms. 143